

## **BAB 2**

### **PASARAN WANG, SISTEM KEWANGAN DAN DASAR KEWANGAN DI MALAYSIA**

#### **2.1 Pengenalan**

Perbincangan dalam bab ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu pasaran wang, sistem kewangan dan dasar kewangan di Malaysia. Bahagian pasaran wang membincangkan tentang ciri-ciri pasaran wang, perkembangan serta fungsi-fungsi pasaran wang di negara ini. Turut dibincangkan ialah jenis-jenis alat pasaran wang serta bagaimana pasaran wang beroperasi. Bahagian sistem kewangan pula membincangkan tentang perkembangan sistem kewangan. Bahagian ini juga mengandungi perbincangan secara terperinci tentang institusi kewangan yang terdapat di negara ini. Seterusnya bahagian dasar kewangan membincangkan tentang dasar kewangan di Malaysia serta alat-alat dasar yang digunakan oleh pihak berkuasa kewangan dan pengurusan kewangan yang dijalankan di Malaysia.

#### **2.2 Pasaran Wang**

Pasaran wang merujuk kepada pasaran dana jangka pendek yang melibatkan penggunaan mata wang dalam negara. Dana yang diniagakan mempunyai tempoh kematangan tidak lebih daripada 12 bulan (BNM(1999)). Oleh kerana tempoh

kematangannya yang pendek ini, alat-alat kewangan tersebut amat cair dan ini menyebabkan wujud permintaan yang tinggi untuk membeli alat-alat itu kerana ia dapat ditunaikan dalam jangka masa yang singkat.

Kegiatan pasaran wang melibatkan peranan unit ekonomi seperti individu, firma, kerajaan dan industri bank. Sebagai contoh, katakan sebuah firma besar sedang mengetepikan dana untuk tujuan membayar cukai di dalam beberapa bulan lagi. Firma itu tidak memerlukan dana tersebut sehingga tarikh pembayaran cukai itu. Wang tersebut, jika disimpan di dalam akaun deposit semasa, ia tidak akan mendatangkan sebarang hasil. Oleh yang demikian, firma itu hilang peluang untuk melaburkan wang itu ke dalam pasaran wang untuk memperolehi pulangan. Begitu juga dengan bank-bank yang menyimpan wang tunai kerana permintaan bermusim seperti perayaan. Dana lebihan itu boleh dilaburkan secara produktif, di dalam pasaran wang bagi jangka masa seminggu dua atau lebih pendek lagi bagi mendapatkan pulangan. Sekiranya unit ekonomi tersebut tidak mengalami lebihan dan kekurangan dalam aliran tunai secara berterusan, pasaran wang tidak akan wujud dan berkembang. Oleh itu, pasaran wang berupaya memainkan peranan yang penting sebagai penghubung dan penyeimbang kepada aliran masuk dan aliran keluar tunai.

### 2.2.1 Perkembangan Pasaran Wang di Malaysia

Pasaran wang di negara ini dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu pasaran formal dan pasaran tidak formal. Pasaran wang formal terdiri daripada institusi kredit seperti bank pusat dan bank perdagangan serta pengantara bekalan wang seperti syarikat kewangan dan institusi pinjaman yang lain. Peminjam utama kepada pasaran formal adalah

peniaga atau pengusaha yang menjalankan operasi di bandar besar. Sementara bekalan wang pasaran tak formal diperoleh daripada koperasi, ceti, rakan dan sanak saudara. Peminjam utama kepada pasaran ini terdiri daripada penduduk yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar, khasnya golongan petani dan peruncit.

Sebelum tahun 1960-an, pasaran wang formal di negara ini dikuasai oleh cawangan bank pertukaran milik asing yang kebanyakannya dimiliki oleh pihak British. Sementara bank tempatan yang beroperasi secara kecil-kecilan dimiliki oleh orang Cina. Fungsinya lebih cenderung kepada menjaga kepentingan peniaga kecil bagi kumpulan loghat tertentu.

Institusi tabungan utama dalam negara sebelum tahun 1960-an terdiri daripada Bank Simpanan, Pejabat Pos dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kedua-dua institusi ini bertindak sebagai institusi perantara yang menggalakkan tabungan bagi membiayai program pembangunan negara. Selepas tahun 1970-an, struktur pasaran kewangan Malaysia telah berada pada tahap yang lebih stabil. Sehingga tahun 2000, pasaran wang Malaysia terdiri daripada Bank Negara Malaysia, 31 buah bank perdagangan, 32 buah pejabat perwakilan asing, 19 buah syarikat kewangan, 12 buah bank saudagar, Bank Simpanan Nasional, Malaysia Industrial Development Finance Ltd., Bank Pembangunan Malaysia, Bank Pertanian Malaysia, Perbadanan Jaminan Kredit, Malaysia Export Credit Insurance Companies, institusi kredit dan 7 buah gedung diskau.

Pada asasnya, penglibatan individu, syarikat, perbadanan dan kerajaan dalam pasaran wang bertujuan urusniaga, awasan dan spekulasi. Peserta yang terlibat dalam pasaran wang dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu pemberi pinjam dan

peminjam. Pemberi pinjam utama dalam pasaran wang di negara ini terdiri daripada bank perdagangan, institusi seperti syarikat insurans, KWSP dan pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Angkatan Tentera, broker pasaran wang dan perbadanan yang terlibat dalam pembelian bil perbendaharaan, bil pertukaran dan penerimaan jurubank. Sementara peminjam utama terdiri daripada pengimport dan pengeksport, broker yang menjual sekuriti, perbadanan dan institusi kewangan bank yang lain.

#### 2.2.2. Fungsi-fungsi Pasaran Wang

Peranan pasaran wang bukan sahaja penting kepada bank-bank perdagangan, malah mustahak untuk memastikan perkembangan sistem kewangan dan kelancaran perjalanan ekonomi. Justeru, kebanyakan bank pusat berusaha menggalakkan pertumbuhan dan memastikan keberkesanan pasaran wang dalam negeri.

Bagi bank-bank perdagangan, pasaran wang mengimbangkan kelebihan dan kekurangan dana di antara bank-bank setelah cek-cek dijelaskan. Sistem pembayaran yang menggunakan cek, telah membolehkan wang dikeluarkan dan dimasukkan dari sebuah bank ke sebuah bank yang lain. Maka, setelah semua cek antara bank-bank dijelaskan, sesetengah bank mungkin mempunyai dana yang berlebihan atau menghadapi masalah kekurangan dana. Selain itu, pasaran wang membenarkan bank-bank menukar sebahagian daripada cadangannya dengan aset-aset lain yang boleh menghasilkan pulangan. Cadangan boleh disimpan dalam bentuk *deposit pangilan* yang dapat ‘dipanggil’ semula dengan segera jika diperlukan. Dengan cara itu, bank-bank dapat mengurangkan aset (cadangan) tanpa pulangan ke paras yang minimum.

Pasaran wang juga boleh menjadi saluran yang mudah dan berkesan kepada firma dan pelabur bukan bank untuk melaburkan dana lebihan. Di samping itu, pasaran wang turut memudahkan firma dan institusi mendapat pinjaman jangka pendek.

Pasaran wang yang maju dapat memberikan sumbangan yang positif dalam memastikan dana-dana dapat disalurkan bagi keperluan kewangan dengan cara membekalkan kemudahan yang pelbagai dan bersaingan, yang berhubung kait dengan pasaran kredit dan modal. Oleh yang demikian, selain dapat memastikan penggunaan yang paling cekap untuk tabungan tempatan, keadaan ini sekaligus dapat mendorong perkembangan di dalam ekonomi.

Keberkesanan dasar kewangan dapat dipertingkatkan dengan adanya pasaran wang yang lengkap. Ini kerana, pasaran wang merupakan asas hubungan di antara bank pusat dengan sektor-sektor kewangan sesebuah ekonomi. Sekiranya pasaran wang mempunyai jenis sekuriti kerajaan berjangka pendek yang banyak, maka pasaran itu mampu menyerapkan urus niaga jual beli yang besar tanpa perubahan harga yang besar.

### 2.2.3 Operasi Pasaran Wang

Kegiatan pasaran wang terdiri daripada penyimpanan deposit, urusniaga deposit dan jual beli alat pasaran wang (alat-alat kewangan jangka pendek).

Dalam operasi penyimpanan deposit, ia melibatkan penyimpanan dana lebihan isi rumah dan firma di institusi yang menerima deposit seperti institusi kewangan, iaitu bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan gedung diskau (BNM(1994)). Bank Negara Malaysia mengawal dengan ketat kegiatan pengambilan deposit daripada orang ramai. Selain itu, ia juga mengawal tempoh matang deposit yang boleh ditawarkan

oleh institusi-institusi kewangan. Deposit ini disimpan untuk tempoh yang tertentu. Bagi bank perdagangan dan bank saudagar, tempoh simpanan adalah sekurang-kurangnya satu bulan, manakala bagi syarikat kewangan pula, tidak kurang daripada tiga bulan. Sementara gedung diskau mengendalikan deposit jangka pendek, iaitu deposit panggilan yang boleh dikeluarkan apabila diminta dan deposit bermalam.

Urusniaga deposit yang lebih dikenali sebagai pasaran antara bank, berlaku antara institusi dalam pasaran wang yang terdiri daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar (BNM(1994)). Bank yang mempunyai sumber dana yang berlebihan atau sumber deposit yang banyak akan memberi pinjaman kepada bank yang memerlukan, termasuk pinjaman kepada bank saudagar dan bank perdagangan. Alat yang diniagakan merupakan deposit tunai yang dikumpulkan oleh bank masing-masing. Justeru, ia sering dianggap sebagai pasaran kedua (BNM(1994)). Baki deposit itu diniagakan di dalam tempoh matang yang amat singkat, dari satu malam, tujuh hari, sebulan, dua bulan hingga tiga bulan. Kebanyakan bank kerap menggunakan pasaran antara bank bagi menampung keperluan dana jangka pendek yang timbul kerana keperluan menampung pemberian pinjaman kepada pelanggan dan mengimbangkan akaun penjelasan dan akaun cadangan berkanun dengan Bank Negara.

Operasi pasaran antara bank adalah penting kerana ia dapat mengawasi dan mengekalkan kecairan sesebuah bank. Di samping itu, operasi ini membolehkan penghasilan pulangan yang maksimum kepada penggunaan lebihan dana jangka pendek. Operasi ini juga penting bagi membolehkan pinjaman dana diberi pada kos yang rendah, disamping memberi perkhidmatan pemindahan dan penerimaan wang bagi akaun pelanggannya. Selain itu, operasi ini mengawasi kadar bunga antara bank dan aliran wang

dalam pasaran sebagai usaha memaksimumkan pulangan dan meminimumkan kerugian kesan daripada perubahan kadar bunga.

Keperluan berkanun yang mengkehendaki bank perdagangan membuat penyimpanan peratusan tertentu daripada deposit atau liabiliti dalam bentuk aset cair oleh institusi kewangan, menjadikan aset cair seperti Bil Perbendaharaan dan sekuriti Kerajaan sebagai aset penting dalam pasaran wang. Terdapat tiga jenis bil perbendaharaan iaitu pertama, bil 91 hari yang ditawarkan pada setiap minggu. Kedua, bil 182 hari yang ditawarkan pada setiap dua minggu dan ketiga, bil 364 hari yang ditawarkan pada setiap empat minggu. Urusan jual beli bil tersebut merupakan tanggungjawab Bank Negara Malaysia (BNM). Di samping itu, BNM juga menyediakan kemudahan mendiskaunkan sekuriti dan bil perbendaharaan kerajaan. Operasi jual beli bil perbendaharaan dan sekuriti kerajaan membantu BNM mempengaruhi dan menstabilkan pasaran wang.

Penubuhan serta kemajuan pasaran bil perbendaharaan sebenarnya didorong oleh keperluan berkanun yang mensyaratkan institusi-institusi kewangan yang menerima deposit memegang aset kecairan yang minimum. Pada tahun 1965, bil-bil perbendaharaan United Kingdom tidak lagi layak dianggap sebagai aset kecairan. Keadaan ini mendorong peningkatan permintaan terhadap bil perbendaharaan Malaysia. Seterusnya, pada tahun 1969, pasaran bil perbendaharaan diperluaskan lagi apabila separuh daripada aset kecairan harus terdiri daripada ‘aset kecairan sebenar’, iaitu wang tunai, baki akaun wang panggilan, bil perbendaharaan dan sekuriti kerajaan dengan baki tempoh matang setahun atau kurang. Pada tahun 1971 dan 1979, syarikat kewangan dan bank saudagar turut dikenakan syarat aset kecairan minimum ini.

Kesan daripada syarat-syarat berkanun tersebut, institusi-institusi kewangan berkenaan menambahkan pemilikan bil perpendaharaan mereka yang mana jumlah bil perpendaharaan yang dimiliki mengalami peningkatan daripada RM 791.9 juta pada 1970 kepada RM 2790.0 juta pada 1985 dan seterusnya meningkat kepada RM 4320.0 pada Jun 1993 (BNM(1994)). Dalam tempoh tersebut, kerajaan meningkatkan usaha pembangunan dengan pesat. Perbiayaan perbelanjaan itu dijalankan melalui penjualan bon kerajaan secara besar-besaran. Keadaan ini secara tidak langsung mendorong perkembangan kegiatan syarikat kewangan, syarikat diskaun, bank perdagangan dan bank saudagar. Institusi-institusi tersebut telah menambahkan pemilikan bil perpendaharaan bagi memenuhi keperluan aset kecairan.

#### 2.2.4 Alat-alat pasaran wang

Alat-alat yang digunakan di dalam pasaran wang ialah tuntutan kewangan yang boleh diniagakan, atau hak milik yang boleh bertukar tangan dan mempunyai tempoh berjangka pendek, iaitu kurang daripada setahun (BNM(1999)). Oleh kerana tempoh kematangan yang pendek itu, alat-alat ini mudah dijualkan dan mempunyai tingkat kecairan yang tinggi. Antara alat pasaran wang di Malaysia yang terpenting ialah deposit, Bil Perpendaharaan, Sekuriti Kerajaan, Penerimaan Jurubank, Sijil Deposit Boleh Niaga, Perjanjian Pembelian Semula, Sijil Pelaburan , Bon Cagamas dan Bil Bank Negara.

##### 2.2.4.1 Deposit

Deposit merupakan sejumlah simpanan daripada orang ramai di institusi kewangan seperti bank perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan dan syarikat

diskaun (BNM(1994)). Tempoh minimum simpanan ialah satu bulan bagi bank perdagangan dan tiga bulan bagi syarikat kewangan. Bank saudagar pula dibenarkan menerima simpanan daripada bank perdagangan, syarikat kewangan dan institusi kewangan serta perbadanan yang diperakui oleh Bank Negara Malaysia bagi tempoh minimum satu bulan. Setiap simpanan daripada institusi kewangan ini mestilah tidak kurang daripada RM 250,000, dan tidak kurang daripada RM 1 juta bagi simpanan daripada perbadanan (BNM(1994)).

Bagi gedung diskaun, ia menerima simpanan daripada orang ramai dan institusi kewangan bagi tempoh kurang dari satu bulan. Jumlah simpanan minimum ialah RM 50,000. Deposit yang ditempatkan di gedung diskaun berdasarkan ‘bermalam’ dan ‘panggilan’ (BNM(1994)). Selain deposit panggilan dan bermalam, terdapat juga deposit jangka pendek yang terdiri dari lapan hari, satu bulan, dua bulan dan tiga bulan. Walau bagaimanapun, jumlah urusniaga pinjaman berjangka masa tersebut tidaklah sebesar jumlah pinjaman bermalam atau deposit panggilan.

Institusi kewangan berupaya menjalankan kegiatan urusniaga deposit hasil daripada penyimpanan deposit tersebut. Urusniaga deposit yang berlaku di antara institusi pasaran wang seterusnya mewujudkan pasaran antara bank.

#### 2.2.4.2 Bil Perbendaharaan

Bil perbendaharaan merupakan alat boleh niaga yang boleh dipindah milik. Dalam lain perkataan, ia merujuk kepada sekuriti hutang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan yang mempunyai tempoh kematangan tidak melebihi satu tahun (iaitu 3, 6 atau 12 bulan) kadar faedah tidak dibayar dan bil-bil dikeluarkan pada nilai muka yang

didiskaun (BNM(2000)). Bil ini dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Satu bil perbendaharaan dikeluarkan dan dibayar nilai minimum RM10,000. Dana yang dikumpulkan itu digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi tahunan kerajaan.

Sebagai alat diskauan, bil perbendaharaan disebut harga dalam pasaran dan dijual secara tender. Berasaskan sebut harga ini, seseorang pelabur mendapat keuntungan apabila bil perbendaharaan dikeluarkan pada diskauan dan ditebuskan untuk nilai penuh pada tempoh kematangan. Sebagai contoh, mungkin bakal pembeli akan menawarkan RM 9,500 tunai bagi bil 364 hari yang bernilai RM10,000. Ini bermakna, pembeli itu bakal memperolehi pulangan RM 500 setahun dengan modal RM9,500. Keuntungan daripada bil perbendaharaan dapat ditingkatkan apabila tempoh kematangan sesuatu pelaburan semakin panjang kerana kadar diskauannya turut meningkat.

#### 2.2.4.3 Sekuriti Kerajaan

Sekuriti Kerajaan merujuk kepada sekuriti hutang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan (BNM(2000)). Ciri-cirinya termasuk tempoh matang asal tidak melebihi satu tahun dan kadar faedah dibayar mengikut tempoh yang biasanya dua kali setahun. Tidak seperti bil perbendaharaan, sekuriti kerajaan Malaysia merupakan stok berdaftar yang merupakan alat yang menghasilkan kadar bunga.

Sekuriti kerajaan melibatkan perjanjian bertulis antara kerajaan dengan pemberi pinjam. Sebagai pulangan kepada pemberi pinjam, kerajaan membayar kadar bunga kepada pemegang sekuriti tersebut pada setiap setengah tahun. Pada tarikh matang, jumlah wang yang dipinjamkan tersebut akan ditebus semula.

#### 2.2.4.4 Penerimaan Jurubank

Penerimaan Jurubank merupakan sejenis bil perdagangan yang diterbitkan oleh sesebuah firma dan pembayarannya dijamin oleh sesebuah bank (BNM(2000)). Alat wang ini diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mei 1979.

Penerimaan Jurubank hanya dibayar pada tarikh tertentu iaitu tidak awal dari 30 hari dan tidak lewat dari 200 hari dari tarikh penerimaan. Pembayaran hanya dilakukan berdasarkan perintah pemilik. Nilai pembayaran perlu dibuat dengan had minimum RM 30,000 dalam mata wang ringgit dalam pecahan RM1,000. Penerimaan Jurubank ini diterbitkan oleh syarikat besar, sederhana dan yang kecil sebagai kredit perniagaan untuk membiayai keperluan dana jangka pendek bagi kegiatan import, eksport, pembelian dan penjualan di negara ini.

#### 2.2.4.5 Sijil Deposit Boleh Niaga

Sijil Deposit Boleh Niaga diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada masa yang sama dengan Penerimaan Jurubank, iaitu pada 1979. Ia merupakan dokumen yang memperakui tanggungjawab untuk membayar sejumlah wang yang tercatat kepada pemegangnya (BNM(1994)). Tujuannya adalah untuk menggerakkan dana lebihan jangka pendek syarikat-syarikat besar.

Dalam konteks pasaran wang, sijil ini merupakan resit bagi simpanan tetap dan sebagai bukti penyimpanan sejumlah wang bagi tempoh dan kadar bunga yang ditetapkan. Ia dikeluarkan berdasarkan tempoh kematangan tertentu, daripada tempoh minimum tiga bulan hingga ke tempoh maksimum tiga tahun. Sijil ini diuruskan tanpa pengesahan dalam pasaran. Oleh yang demikian, sijil tersebut dapat dipindah milik

dengan mudah oleh sesiapa yang membawanya. Berasaskan sifat kecairan ini, sijil tersebut menghasilkan pulangan yang rendah berbanding dengan simpanan tetap.

#### 2.2.4.6 Perjanjian Pembelian Semula

Perjanjian pembelian semula merupakan alat pasaran wang yang dijual kepada pelabur dengan syarat peminjam akan membeli semula pada satu tarikh dan tingkat harga tertentu (BNM(1994)). Institusi-institusi yang dibenarkan menyertai pasaran wang iaitu bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat diskaun boleh membuat peraturan dengan pihak lebihan dana yang lain supaya menjual alat pasaran wang, seperti bil perbendaharaan dan sijil deposit boleh niaga yang dimilikinya, untuk suatu tempoh tertentu. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada jaminan bahawa ia akan membeli alat pasaran wang itu semula pada harga yang dipersetujui.

Melalui perjanjian juga, kadar bunga pulangan dan tempoh urusniaga turut ditentukan terlebih dahulu. Harga pembelian semula bergantung pada harga asal alat itu dibeli dan pada kadar pulangan serta tempoh yang telah dipersetujui. Lazimnya, tempoh bagi perjanjian pembelian semula adalah antara satu hari hingga satu bulan dan risiko kadar bunganya adalah rendah.

#### 2.2.4.7 Sijil Pelaburan

Sijil Pelaburan mula diperkenalkan pada bulan Julai 1983 yang bertujuan untuk menggalakkan perkembangan pasaran wang dan memberi pilihan yang pelbagai kepada pelabur Malaysia dalam pembentukan portfolio mereka (BNM(1994)). Sijil Pelaburan ini menjalankan prinsip Islam yang tidak melibatkan amalan pemberian dan penerimaan

kadar bunga. Ia diperkenalkan berikutan dengan penubuhan Bank Islam Malaysia pada tahun 1983. Pengeluaran sijil ini adalah khusus untuk memenuhi keperluan nisbah mudah tunai Bank Islam Malaysia. Sebagai pengganti kepada kadar bunga, kerajaan membayar dividen supaya sijil ini menjadi suatu alat pasaran wang yang menarik.

#### 2.2.4.8 Bon Cagamas

Bon Cagamas mula diperkenalkan pada bulan Oktober 1987 dan dikendalikan oleh Perbadanan Cagaran Malaysia (Cagamas) Berhad yang ditubuhkan pada tahun 1986 (BNM(1994)). Cagamas berperanan sebagai perantara antara pemberi pinjam utama bagi pinjaman perumahan dengan pelabur. Perbadanan ini berfungsi sebagai pemberi pinjam perumahan daripada pemberi pinjam utama dan mengeluarkan bon kepada orang ramai untuk mendapat sumber pembiayaan yang mencukupi.

Selain berisiko rendah, bon Cagamas memberikan pulangan yang lebih tinggi berbanding sekuriti kerajaan, walaupun mempunyai tempoh kematangan yang sama. Di samping itu, bon Cagamas mudah ditunaikan dan dikecualikan daripada cukai setem dalam urusan pertukaran hakmilik.

#### 2.2.4.9 Bil Bank Negara

Bil Bank Negara telah diperkenalkan pada bulan Februari 1993, yang mana ia merupakan surat jangka pendek sama seperti Bil Perbendaharaan (BNM(1994)). Antara peranan penting Bil Bank Negara ialah untuk menggalakkan tabungan dan menyerap lebih mudah tunai dan menyediakan institusi kewangan dengan alat-alat pilihan selain

daripada Bil Perbendaharaan dan sekuriti Kerajaan untuk memenuhi keperluan berkanun ke atas portfolio pelaburan mereka.

### **2.3 Sistem Kewangan di Malaysia**

Pernahaman tentang sistem kewangan adalah penting kerana bentuk sistem kewangan yang terdapat di sesebuah negara itu akan mempengaruhi teori permintaan wang. Ini seterusnya akan mempengaruhi dasar kewangan di negara tersebut.

#### **2.3.1 Perkembangan Sistem Kewangan**

Sejarah perkembangan sistem kewangan di Malaysia telah bermula sejak dari abad ke-18 yang lalu. Perkembangan ekonomi yang lebih dipengaruhi oleh perdagangan antarabangsa bukan sahaja membawa kemajuan dalam kegiatan ekonomi dan pendapatan negara, malah turut merangsang perkembangan institusi kewangan bagi membiayai kegiatan perdagangan. Pada masa itu, bank perdagangan yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu ialah cawangan Chartered Mercantile Bank of India, London and China di Pulau Pinang pada tahun 1895. Semenjak tarikh tersebut, sistem kewangan di Malaysia menjadi lebih kompleks dan mempunyai fungsi yang pelbagai.

Kini, sistem kewangan Malaysia telah mengalami perubahan yang radikal serta kemajuan yang pesat, selaras dengan perubahan struktur dan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Reformasi dan liberalisasi di dalam bidang ekonomi turut mempengaruhi perkembangan dan kemajuan sistem kewangan. Ini dapat dicerminkan dengan sistem perantaraan kewangan Malaysia pada masa kini yang lebih luas, moden dan mempunyai struktur yang lebih tersusun.

### 2.3.2 Struktur Sistem Kewangan

Rajah 2.1 menunjukkan struktur sistem kewangan di Malaysia. Dari segi struktur, institusi kewangan boleh dibahagikan kepada sistem perbankan dan perantara kewangan bukan bank. Sistem perbankan yang merupakan komponen utama dalam sektor kewangan merangkumi 70% daripada harta sistem kewangan (BNM(1999)). Sistem perbankan terdiri daripada BNM, institusi perbankan, dan institusi kewangan lain, iaitu syarikat diskaun, pejabat perwakilan bank asing dan bank luar pesisir di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC). Sebagai bank pusat, BNM bertanggungjawab untuk mengawal dan menyelia sistem perbankan, kecuali bank luar pesisir, yang diawasi oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA). Pada akhir bulan Disember 2000, terdapat 32 pejabat perwakilan bank asing dan 60 bank luar pesisir di Labuan IOFC (BNM(2000)). Perantaraan kewangan bukan bank (NBFI) terdiri daripada lima kumpulan institusi, iaitu kumpulan wang simpanan dan pencen, syarikat insurans (termasuk takaful), institusi pembiayaan pembangunan, institusi tabungan dan sekumpulan perantaraan kewangan yang terdiri daripada syarikat perumahan, unit amanah dan amanah harta benda, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran, syarikat token kredit, syarikat modal usahaniaga, agensi pelaburan khas dan beberapa institusi kewangan yang khusus seperti Perbadanan Cagamas Malaysia Berhad(Cagamas) dan Syarikat Jaminan Kredit. Pasaran kewangan terdiri daripada pasaran wang dan tukaran asing, pasaran modal yang meliputi pasaran ekuiti dan pasaran bon, pasaran derivatif yang terdiri daripada komoditi niaga hadapan, indeks komposit niaga hadapan, KLIBOR niaga hadapan dan pasaran luar pesisir yang terdiri daripada pusat kewangan luar pesisir Labuan (Labuan IOFC).

**Jadual 2.1 : Sistem Kewangan di Malaysia**

| INSTITUSI KEWANGAN  | PASARAN KEWANGAN  |
|---|---|
| <p><b>Sistem Perbankan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank Negara Malaysia</li> <li>• Institusi Perbankan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bank Perdagangan<sup>1</sup></li> <li>- Syarikat Kewangan</li> <li>- Bank Saudagar</li> </ul> </li> <li>• Lain-lain <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syarikat Diskaun</li> <li>- Pejabat Perwakilan Bank Asing</li> <li>- Bank Luar Pesisir di Labuan IOFC</li> </ul> </li> </ul> <p><b>Badan Perantaraan Kewangan Bukan Bank</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen</li> <li>• Syarikat Insurans<sup>2</sup></li> <li>• Institusi Pembiayaan Pembangunan</li> <li>• Institusi Tabungan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bank Simpanan Nasional</li> <li>- Badan Koperasi</li> </ul> </li> <li>• Lain-lain <ul style="list-style-type: none"> <li>- Unit Amanah</li> <li>- Institusi Kredit Perumahan</li> <li>- Cagamas Berhad</li> <li>- Syarikat Jaminan Kredit</li> <li>- Syarikat Pemajakan</li> <li>- Syarikat Pemfaktoran</li> <li>- Syarikat Modal Teroka</li> </ul> </li> </ul> | <p><b>Pasaran Wang dan Pertukaran Mata Wang Asing</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasaran Wang</li> <li>• Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing</li> </ul> <p><b>Pasaran Modal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasaran Ekuiti</li> <li>• Pasaran Bon <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekuriti Hutang Awam</li> <li>- Sekuriti Hutang Swasta</li> </ul> </li> </ul> <p><b>Pasaran Derivatif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komoditi Niaga Hadapan</li> <li>• Indeks Komposit BSKL Niaga Hadapan</li> <li>• KLIBOR Niaga Hadapan</li> </ul> <p><b>Pasaran Luar Pesisir</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC)</li> </ul> |
| <p><sup>1</sup> Termasuk Bank Islam</p> <p><sup>2</sup> Termasuk Takaful</p>  |   |

Sumber : BNM(1999)

### 2.3.3 Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (BNM) telah ditubuhkan pada 26 Januari, 1959 di Bawah Ordinan Bank Negara Tanah Melayu, 1958. Penubuhan Bank Negara pada masa tersebut pada asasnya, berdasarkan ke atas kesedaran perlunya untuk mengurus wang dan kredit di dalam negara. Pada masa itu, BNM hanya menjalankan pentadbiran bagi sistem pengurusan kewangan dan kredit Tanah Melayu dan tidak mengeluarkan mata wang yang digunakan pada masa itu.

Peranan BNM amat penting dalam mempengaruhi ekonomi negara. BNM bertanggungjawab merancang dan melaksanakan dasar kewangan dan kredit untuk mencapai objektif ekonomi negara, iaitu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan tahap guna tenaga yang tinggi, menjamin kestabilan harga dan keseimbangan yang baik dalam kedudukan pembayaran antarabangsa negara, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Bagi mencapai objektif-objektif tersebut, BNM bertindak sebagai pengeluar tunggal mata wang Malaysia dan menyimpan rizab bagi menjaga nilai mata wang tersebut; sebagai juru bank dan penasihat kewangan kepada kerajaan; menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang baik; dan mempengaruhi kedudukan kredit bagi kepentingan negara.

BNM hanya mula mengeluarkan mata wangnya sendiri pada 12 Jun, 1967, menggantikan Lembaga Mata Wang sebagai pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan mata wang di Malaysia. Unit mata wang ini dinamakan sebagai ‘ringgit’ dan ‘sen’ dan ringgit Malaysia ini terdiri daripada 100 sen. Pada akhir bulan Oktober 2001, mata wang yang dikeluarkan oleh Bank Negara berjumlah RM23,797.5 juta (BNM(2001)).

Peranan BNM sebagai penyimpan rizab antarabangsa diperoleh secara langsung daripada fungsi bank sebagai pengeluar mata wang. Pada tahun 1959, sebahagian besar daripada rizab luar negeri yang berjumlah RM2.2 ribu juta dan hampir 80 peratus daripadanya berada dalam simpanan kerajaan (BNM(1994)). Namun, setelah BNM mula mengeluarkan mata wang, fungsi ini telah dipindahkan kepada BNM. Sehingga Oktober 2001, rizab luar negeri berjumlah RM38,757.6 juta (BNM(2001)). Sebahagian besar daripada rizab antarabangsa bank terdiri daripada emas, pertukaran asing, kedudukan rizab di dalam Tabung Kewangan Antarabangsa dan milikan Hak Pengeluaran Khas.

BNM juga bertindak sebagai juru bank, ejen belanjawan dan penasihat kewangan kepada Kerajaan. Ia juga menjadi juru bank kepada beberapa badan berkanun dan kerajaan negeri. Peranannya sebagai juru bank kepada Kerajaan wujud kerana terdapat perhubungan yang rapat di antara pembiayaan awam dan hal-hal kewangan serta terdapatnya kemudahan dan kesesuaian dari segi ekonomi. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh BNM kepada Kerajaan adalah seperti menyediakan kemudahan cek, menerima kumpulan wang dan membuat pembayaran bagi pihak Kerajaan serta menjalankan perniagaan pertukaran asing Kerajaan.

BNM turut bertanggungjawab terhadap Dasar Kewangan di Malaysia bagi menggalakkan kestabilan dan struktur kewangan yang baik kerana ini dapat mempengaruhi kedudukan kredit bagi mencapai objektif ekonomi negara. Bagi mencapai tujuan tersebut, adalah penting bagi BNM memastikan bahawa bekalan wang dan jumlah kredit dapat memenuhi permintaan ekonomi dalam negeri dengan mengawal jumlah wang dan pengeluaran kredit oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan melalui berbagai alat, termasuk kawalan kuantitatif dan kualitatif.

#### **2.3.4 Bank Perdagangan**

Bank perdagangan merupakan sebuah institusi yang terpenting dalam sistem kewangan Malaysia. Antara kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan ialah kemudahan akaun semasa dengan pembayaran boleh dibuat melalui cek dan ciri inilah yang membezakannya dengan institusi kewangan yang lain. Pada tahun 1959, bilangan bank perdagangan yang beroperasi di negara ini hanya 19 buah dan bilangan ini telah meningkat kepada 31 buah pada akhir bulan Disember 2000 (BNM(2000)).

Kegiatan utama bank perdagangan ialah pinjaman dan simpanan. Pinjaman merujuk kepada pinjaman yang diberikan oleh bank untuk membiayai keperluan unit defisit. Sementara simpanan pula merupakan penerimaan oleh bank dalam bentuk deposit daripada unit lebihan dalam ekonomi melalui berbagai-berbagai akaun. Sebagai perantara kewangan, kegiatan bank perdagangan dapat memberi kesan kepada halaju pusingan wang.

Kemajuan teknologi telah mempengaruhi perkembangan perkhidmatan bank perdagangan di negara ini. Penggunaan komputer dalam operasi perbankan memudahkan bank membuat pengiraan faedah bagi deposit tabungan pada asas harian. Selain itu, penggunaan mesin teler automatik (ATM) semenjak tahun 1981 turut meningkatkan kecekapan bank perdagangan dalam urusan pelanggannya.

#### **2.3.5 Syarikat Kewangan**

Kegiatan syarikat kewangan adalah tertakluk kepada penyeliaan BNM pada tahun 1969. Ia merupakan kumpulan institusi pengambil deposit yang kedua besarnya selepas bank perdagangan. Antara fungsi utama syarikat kewangan ialah untuk mendapat deposit

#### **2.3.4 Bank Perdagangan**

Bank perdagangan merupakan sebuah institusi yang terpenting dalam sistem kewangan Malaysia. Antara kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan ialah kemudahan akaun semasa dengan pembayaran boleh dibuat melalui cek dan ciri inilah yang membezakannya dengan institusi kewangan yang lain. Pada tahun 1959, bilangan bank perdagangan yang beroperasi di negara ini hanya 19 buah dan bilangan ini telah neningkat kepada 31 buah pada akhir bulan Disember 2000 (BNM(2000)).

Kegiatan utama bank perdagangan ialah pinjaman dan simpanan. Pinjaman merujuk kepada pinjaman yang diberikan oleh bank untuk membiayai keperluan unit defisit. Sementara simpanan pula merupakan penerimaan oleh bank dalam bentuk deposit daripada unit lebihan dalam ekonomi melalui berbagai-berbagai akaun. Sebagai perantara kewangan, kegiatan bank perdagangan dapat memberi kesan kepada halaju pusingan wang.

Kemajuan teknologi telah mempengaruhi perkembangan perkhidmatan bank perdagangan di negara ini. Penggunaan komputer dalam operasi perbankan memudahkan bank membuat pengiraan faedah bagi deposit tabungan pada asas harian. Selain itu, penggunaan mesin teler automatik (ATM) semenjak tahun 1981 turut meningkatkan kecekapan bank perdagangan dalam urusan pelanggannya.

#### **2.3.5 Syarikat Kewangan**

Kegiatan syarikat kewangan adalah tertakluk kepada penyeliaan BNM pada tahun 1969. Ia merupakan kumpulan institusi pengambil deposit yang kedua besarnya selepas bank perdagangan. Antara fungsi utama syarikat kewangan ialah untuk mendapat deposit

tabungan dan deposit tetap, manakala dalam kegiatan kredit, syarikat kewangan telah mengkhususkan dalam pembiayaan sewa beli dan pinjaman perumahan. Di samping itu, untuk memperbaikan jenis perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan, syarikat kewangan menyediakan kemudahan tukaran wang asing, termasuk jualan cek kembara sejak tahun 1991. Bermula Julai 1993, perkhidmatan syarikat kewangan diperluaskan dengan memberi kepada pelanggan pembiayaan tanpa faedah yang berdasarkan prinsip berkongsi untung rugi. Selaras dengan perkembangan dalam bidang teknologi, syarikat kewangan turut memperluaskan perkhidmatan mesin teler automatik (ATM). Sehingga akhir tahun 2000, jumlah harta syarikat kewangan ialah sebanyak RM109.4 bilion dan terdapat sejumlah 19 buah syarikat kewangan dan mempunyai 930 buah pejabat kewangan.

### 2.3.6 Bank Saudagar

Bank saudagar menjalankan operasinya tertakluk kepada perundangan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) yang mana bank saudagar perlu mematuhi keperluan nisbah minimum pendapatan upah sebanyak 30% (BNM(1994)). Peranan bank saudagar adalah berbeza dengan bank perdagangan. Bank saudagar lebih menumpukan kepada kegiatan urusan bank borong, urusan pasaran wang, bertindak sebagai pendorong dalam pasaran pembiayaan syarikat, memberi nasihat kepada pihak pengusaha dalam semua aspek pembiayaan pembangunan, pengurusan portfolio serta kumpulan wang dan perancangan kewangan. Bank saudagar memperolehi depositnya melalui bank perdagangan, syarikat kewangan dan perantaraan kewangan yang lain. Sehingga akhir Oktober, 2001, terdapat sejumlah 10 buah bank saudagar di

Malaysia dan mempunyai cawangan sebanyak 22 buah (BNM(2001)). Bank-bank tersebut terdiri daripada Affin Merchant Bank Berhad, Alliance Merchant Bank Berhad, Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad, Aseambankers Malaysia Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad, Public Merchant Bank Berhad, RHB Sakura Merchant Bankers Berhad, Southern Investment Bank Berhad dan Utama Merchant Bank Berhad (BNM(2001)). Manakala, dari segi harta, bank saudagar telah menunjukkan perkembangan yang pesat dan sehingga akhir tahun 2000, jumlah harta yang dimiliki adalah RM36.9 bilion (BNM(2000)).

### 2.3.7 Syarikat Diskaun

Penubuhan syarikat diskau di Malaysia adalah khas bagi operasi pasaran wang jangka pendek. Ianya merupakan satu-satunya institusi kewangan yang menumpukan seluruh perhatian dan kegiatannya kepada pasaran wang. Syarikat diskau dimulakan melalui usaha BNM pada tahun 1964. Sejak tahun 1964, sebanyak tujuh buah syarikat diskau ditubuhkan di negara ini dan sehingga akhir Oktober 2001, syarikat diskau yang terdapat di Malaysia adalah Abrar Discounts Berhad, Aflin Discount Berhad, Amanah Short Deposits Berhad, CIMB Discount House Berhad, KAF Discounts Berhad dan Mayban Discount Berhad (BNM(2001)).

Syarikat diskau tertakluk kepada garis panduan BNM, yang antaranya menetapkan bahawa:

- Modal berbayar hendaklah tidak kurang daripada RM5 juta
- 85 peratus daripada deposit yang diterima harus dilaburkan ke dalam bil perbendaharaan dan bon kerajaan.

- Deposit yang diterima tidak boleh melebihi 35 kali ganda dana pemegang syer syarikat diskaun tersebut.
- Laporan harian, mingguan, bulanan dan tahunan harus dikemukakan kepada BNM.
- BNM bersedia bertindak sebagai pemberi pinjaman terakhir kepada syarikat diskaun.

Fungsi utama syarikat diskaum adalah untuk menyerap dana lebihan bank-bank perdagangan setelah bank-bank tersebut menjelaskan akaun mereka dengan bank-bank lain dan Bank Negara setiap hari. Selain itu, syarikat diskaun turut bertindak menggerakkan kumpulan wang daripada perantaraan kewangan yang lain dan kumpulan mudah tunai perusahaan yang besar dalam bentuk deposit jangka pendek. Syarikat diskaun juga berfungsi dari segi pendiskaunan sekuriti kerajaan dan mentadbirkan lebihan sementara mudah tunai yang dimiliki oleh bank perdagangan dan perantaraan kewangan yang lain.

#### **2.4 Dasar Kewangan di Malaysia**

Pelaksanaan dasar kewangan di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Bank Negara Malaysia. Sebagai pihak berkuasa kewangan negara, bank pusat bertanggungjawab kepada kerajaan untuk menggalakkan kestabilan kewangan negara dan membangunkan struktur kewangan yang kukuh dan cekap. Pada umumnya, setiap dasar kerajaan bertujuan mencapai kesejahteraan penduduknya. Ukuran pencapaiananya, khususnya dari segi ekonomi, dapat ditunjukkan dari empat aspek utama, iaitu guna tenaga penuh, kestabilan harga umum, pertumbuhan ekonomi yang memuaskan dan

kestabilan kadar pertukaran asing. Kempat-empat ukuran ini merupakan matlamat akhir dasar kewangan. Di Malaysia, objektif ekonomi makro yang utama bagi dasar kewangan ialah untuk menggalakkan kadar pertumbuhan keluaran yang tinggi, selaras dengan kestabilan harga dalam negeri dan pertukaran asing. Bagi mencapai objektif tersebut, Bank Negara bertindak untuk mengekalkan kestabilan kewangan terutamanya mengawal pertumbuhan dalam kredit bank dan bekalan wang supaya mencukupi bagi membantu pertumbuhan ekonomi. Lazimnya, Bank Negara bertindak dengan mempengaruhi jumlah cadangan bank dan secara langsung mempengaruhi kadar faedah bank. Bank Negara juga akan mengawal jumlah dan aliran kredit sekiranya perlu.

Pelaksanaan dasar kewangan dalam ekonomi dapat dibahagikan kepada dua bahagian penting. Bahagian pertama adalah untuk mengenalpasti pembolehubah ekonomi yang hendak dipengaruhi, yang merupakan objektif penggunaan dasar seperti harga, keluaran, guna tenaga dan keseimbangan imbalan pembayaran. Bahagian kedua pula ialah pemilihan alat dasar kewangan yang bersesuaian bagi mencapai objektif ekonomi yang dikehendaki.

#### 2.4.1 Alat Dasar Kewangan

Alat-alat kewangan yang dikawal oleh Bank Negara dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu alat kuantitatif dan kualitatif. Alat kewangan kuantitatif mendatangkan kesan yang sama kepada semua sektor dan kesannya kepada ekonomi adalah menyeluruh. Misalnya, sekiranya sesebuah kerajaan berpendapat tingkat kecairan di negaranya terlalu tinggi, ia boleh menggunakan alat kuantitatif yang menyebabkan kecairan menjadi ketat dengan menguncupkan bekalan wang. Ia mempengaruhi pembiayaan penggunaan,

perdagangan dan harta benda dengan sama rata. Oleh kerana kesan alat-alat itu tidak membezakan satu sektor ekonomi daripada yang lain, alat-alat itu juga disebut sebagai alat kewangan umum atau am. Alat kuantitatif ini merupakan alat kewangan yang mempengaruhi paras rizab bank yang mana ia akan mengubah penawaran wang dengan mengubah asas pengganda wang. Alat dasar kewangan kuantitatif termasuklah keperluan rizab berkanun, keperluan mudah tunai, operasi pendiskaunan, operasi pasaran terbuka dan pengawalan kadar faedah.

Dalam kes tertentu, kerajaan mungkin ingin memberikan kecairan istimewa kepada sektor-sektor tertentu sahaja ataupun mungkin hendak melindungi sektor atau industri tertentu daripada kesan menyeluruh itu. Bagi tujuan tersebut, bank pusat menggunakan alat kewangan kualitatif yang hanya mempengaruhi sektor-sektor tertentu secara selektif atau terpilih. Alat-alat ini berupaya untuk mengukuhkan sesuatu dasar atau alat pengurusan kewangan kuantitatif. Alat ini yang juga disebut sebagai alat kewangan terpilih, digunakan untuk mempengaruhi kredit kepada sektor kecil tertentu atau jenis pemberian pinjaman. Misalnya, garis panduan pemberian pinjaman sektor utama dan garis panduan operasi kad kredit. Alat-alat ini termasuklah kawalan kredit terpilih dan pujuhan moral.

#### 2.4.1.1 Keperluan Rizab Berkanun

Keperluan rizab berkanun merupakan satu alat kewangan yang digunakan oleh Bank Negara bagi mengawal keadaan mudah tunai sistem perbankan. Di bawah Seksyen 37(1)(c) Ordinan Bank Negara Malaysia, institusi-institusi perbankan dikehendaki menyimpan peratusan tertentu rizab mereka dalam bentuk rizab tunai dengan Bank

Negara (BNM(1999)). Ia mula diperkenalkan oleh Bank Negara dalam bulan Januari 1959 dengan memperuntukkan bank perdagangan menyimpan rizab berkanun di Bank Negara Malaysia dengan nisbah sebanyak 2.5% daripada jumlah liabiliti deposit. Nisbah ini telah dinaikkan kepada 4% pada Disember 1959. Nisbah ini kekal tidak berubah sehingga bulan Februari 1965, ia telah diturunkan kepada 3.5%. Selepas itu, ianya telah berubah-ubah daripada nisbah setinggi 13.5% pada Jun 1996 kepada 4.0% pada September 1998 (BNM(2001)). Nisbah rizab berkanun turut dikenakan terhadap syarikat kewangan. Ia mula diperkenalkan pada Oktober 1972 dengan nisbah 2.5%. Selain bank perdagangan dan syarikat kewangan, nisbah rizab berkanun juga dilaksanakan terhadap bank saudagar. Ia mula diperkenalkan pada Februari 1975 dengan nisbah 1.5% daripada liabiliti deposit. Nisbah ini seterusnya meningkat kepada 2.5% pada April 1985, 3.0% pada Februari 1986 dan seterusnya mencapai tahap tertinggi iaitu sebanyak 13.5% pada Jun 1996 dan kembali menurun kepada 4.0% pada September 1998 (BNM(2001)).

Perubahan keperluan rizab mempengaruhi liabiliti deposit di institusi-institusi perbankan. Perubahan nisbah keperluan rizab akan mempengaruhi asas pengganda wang dan seterusnya penawaran wang. Apabila kerajaan ingin memperketatkan bekalan wang, nisbah rizab berkanun akan dinaikkan. Dengan itu, institusi kewangan bank terpaksa menambah jumlah rizab atau mengurangkan penciptaan kredit supaya nisbah baru dipenuhi. Tindakan ini seterusnya akan mengurangkan jumlah penawaran wang dalam edaran. Sebaliknya, tindakan bank pusat mengurangkan keperluan bagi nisbah rizab berkanun akan meningkatkan keupayaan institusi kewangan bank untuk mencipta kredit dan seterusnya meningkatkan jumlah wang dalam edaran.

#### 2.4.1.2 Keperluan Mudah Tunai

Institusi perbankan (termasuk Bank Islam) dikehendaki mematuhi nisbah minimum mudah tunai di bawah Seksyen 38(1) Akta Perbankan dan Institusi Kewangan (BAFIA) (BNM(1994)). Ini bertujuan untuk memastikan supaya institusi perbankan adalah mudah tunai pada setiap masa bagi memenuhi pengeluaran deposit pelanggan mereka. Ianya juga digunakan bagi tujuan pengawalan kredit terpilih dan sebagai satu cara untuk memastikan pembiayaan yang berterusan dan tersedia untuk projek-projek pembangunan kerajaan.

Keperluan mudah tunai adalah berbeza dengan nisbah rizab berkanun kerana bahagian mudah tunai yang disimpan di bank menghasilkan pulangan. Hal ini disebabkan oleh aset mudah tunai adalah bentuk aset kewangan jangka pendek, seperti bil perpendaharaan, wang tunai, baki penjelasan dengan Bank Negara, wang panggilan, sekuriti Kerajaan, Sijil Pelaburan Kerajaan, bon Cagamas, bil yang didiskaun atau dibeli, Bil Bank Negara dan sekuriti Kerajaan Negeri.

Seperti nisbah rizab berkanun, apabila nisbah mudah tunai minimum dinaikkan, keupayaan institusi kewangan bank untuk mencipta kredit akan berkurangan dan seterusnya penawaran wang menjadi terhad. Sebaliknya, apabila nisbah mudah tunai diturunkan, jumlah penawaran wang dalam edaran akan meningkat.

#### 2.4.1.3 Operasi Pendiskaun

Mengikut definisi oleh Bank Negara Malaysia(1994), dasar diskau merupakan langkah khusus bagi mempengaruhi kadar faedah dan mudah tunai melalui perubahan dalam syarat-syarat dan terma-terma kemudahan kredit Bank Negara di mana bank-bank

perdagangan dan pasaran wang boleh mendapatkan kemudahan sementara kredit. Dalam lain perkataan, bank perdagangan di Malaysia mempunyai keistimewaan untuk meminjam rizab tambahan jangka pendek daripada bank pusat. Mengikut Seksyen 39, Ordinan Bank Pusat 1958, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa menentukan kadar faedah yang patut dibayar kepada atau oleh bank perdagangan, menentukan peraturan diskaun dan bayaran lain yang dikenakan oleh sesebuah bank terhadap pelanggannya (BNM(1994)).

Operasi diskaun boleh dijalankan melalui pendiskaunan semula aset berjangka pendek yang layak atau melalui pendahuluan bercagar. Sebagai contoh, bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan boleh meminjam daripada Bank Negara dengan cara pendiskaunan atau dengan pendahuluan iaitu dengan mendiskaun semula bil Perbendaharaan dan bil perdagangan, perindustrian, pertanian dan bil perniagaan jangka pendek yang layak atau mendapatkan pendahuluan bercagar dengan bil yang layak untuk didiskaun semula. Kedua-dua jenis pendiskaunan ini dirujukkan sebagai pendiskaunan dan kadar faedah yang dikenakan terhadap pinjaman disebut kadar faedah diskaun.

Kenaikan kadar diskaun akan memberi kesan negatif kepada bank perdagangan dan seterusnya asas pengganda wang. Peningkatan kadar diskaun menyebabkan kadar pemberian pinjaman dan kadar deposit turut meningkat. Seterusnya ini menyebabkan pertumbuhan wang berkurangan. Penurunan kadar diskaun pula akan menggalakkan bank perdagangan untuk meminjam daripada bank pusat. Ini akan menambah rizab berlebihan dan juga pengganda wang. Bank perdagangan boleh menggunakan tambahan rizab berlebihan tersebut untuk menambah penawaran pinjaman dan seterusnya meningkatkan penawaran wang.

#### 2.4.1.4 Operasi Pasaran Terbuka

Operasi pasaran terbuka melibatkan kegiatan penjualan dan pembelian sekuriti kerajaan oleh bank pusat dalam pasaran terbuka (BNM(1999)). Tujuannya adalah untuk memberi kesan secara langsung terhadap rizab bank dan seterusnya aliran kredit dan wang di bank perdagangan. Misalnya, apabila bank pusat membeli sekuriti kerajaan daripada bank perdagangan, tindakan ini akan menyebabkan pertambahan dalam pegangan sekuriti oleh bank pusat dan menghasilkan rizab berlebihan kepada bank perdagangan. Kegiatan ini akan menambah keupayaan bank perdagangan mengeluarkan pinjaman dan seterusnya menyebabkan penawaran wang akan bertambah.

Sebaliknya, penjualan sekuriti kerajaan oleh bank pusat akan mengurangkan rizab berlebihan bank perdagangan. Justeru, bank perdagangan terpaksa mengurangkan pemberian pinjaman dan ini menyebabkan penawaran wang akan berkurangan.

#### 2.4.1.5 Pengawalan Kadar Faedah

Pengawalan kadar faedah berupaya mempengaruhi mudah tunai bank dan pasaran wang di negara ini (BNM(1994)). Kesan perubahan kadar faedah terhadap penawaran wang adalah sama seperti perubahan kadar diskau. Perbezaan hanyalah dari segi kadar bunga melibatkan aktiviti pinjam meminjam antara bank perdagangan dengan sektor swasta bukan bank.

Apabila kadar faedah simpanan meningkat, ini akan menarik minat sektor swasta bukan bank untuk menyimpan. Seterusnya, ini akan menambah rizab berlebihan yang akhirnya meningkatkan penawaran wang. Penawaran wang juga akan bertambah apabila kadar faedah pinjaman menurun. Penurunan kadar faedah pinjaman akan menarik minat

pihak sektor swasta bukan bank untuk meminjam. Dengan itu, bank perdagangan dapat menambah penawaran pinjaman dan seterusnya penawaran wang turut bertambah. Sebaliknya, pengurangan kadar faedah deposit dan kenaikan kadar faedah pinjaman akan mengurangkan penawaran wang.

#### 2.4.1.6 Kawalan Kredit Terpilih

Kawalan kredit terpilih merupakan di antara tindakan berkesan yang dijalankan oleh Bank Negara bagi mengawal jumlah dan arah kredit khusus dikenakan kepada sektor-sektor tertentu (BNM(1994)).

Kemudahan kredit merupakan alat yang penting kepada semua sektor ekonomi kerana ia dapat menentukan tingkat pelaburan dan kemajuan sektor tersebut. Tanpa campur tangan kerajaan, alat-alat kuantitatif dan perubahan keadaan ekonomi mendorong kesan yang sama kepada semua sektor. Akan tetapi, kerana alasan tertentu, sesetengah sektor memerlukan perlindungan khas. Misalnya, sektor perusahaan kecil tidak dapat bersaing dengan sektor perusahaan besar dan kaum bumiputera yang jauh ketinggalan dari segi ekonomi. Justeru, bantuan khas diperlukan bagi membolehkan sektor ini bersaing. Oleh yang demikian, kerajaan terpaksa campurtangan untuk memastikan kos pinjaman yang agak rendah serta jumlah pinjaman yang munasabah diberikan kepada sektor-sektor tersebut dengan cara menetapkan kadar bunga pinjaman dan jumlah pinjaman.

Misalnya, semasa pelaksanaan dasar kewangan yang ketat semenjak tahun 1989, kerajaan telah menetapkan beberapa garis panduan kawalan kredit bagi membantu mengurangkan perbelanjaan yang tidak berfaedah dan memberi keutamaan kepada

pembiayaan tempatan yang menghasilkan pelaburan yang produktif. Antaranya ialah dengan memperkenalkan garis panduan pemberian pinjaman yang baru pada 8 November, 1990 yang melarang institusi perbankan daripada memberi pembiayaan dalam bentuk ringgit untuk pembelian harta benda oleh bukan pemaustatin dan syarikat yang dikawal oleh bukan pemaustatin. Langkah ini berjaya mengelakkan perkembangan pasaran harta benda yang berlebihan dan juga dapat memastikan pinjaman ini dapat disalurkan kepada kegunaan yang produktif.

#### 2.4.1.7 Pujukan Moral

Pujukan moral merupakan usaha bank pusat mendapatkan persetujuan sukarela daripada bank perdagangan dalam usahanya untuk mencapai sesuatu objektif (BNM(1994)). Keberkesanan alat ini bergantung kepada sambutan institusi kewangan secara sukarela terhadap setiap dasar yang hendak dilaksanakan serta nama baik pihak berkuasa kewangan (bank pusat) daripada pandangan orang ramai dan berada pada kedudukan yang tinggi.

Pendekatan ini telah digunakan secara meluas pada peringkat awal penubuhan Bank Negara Malaysia khasnya dalam percubaan untuk mengubah sikap dan pendekatan serta teknik dalam perbankan. Pada tahun 1970-an dan 1980-an, alat ini digunakan terutamanya untuk tidak menggalakkan pemberian pinjaman yang berlebihan bagi tujuan spekulasi. Selain itu, bank dan institusi pinjaman digalakkan untuk membiayai projek pembangunan jangka panjang dan menambah pemberian pinjaman kepada bumiputera dan peniaga kecil.

Pujukan moral adalah berkesan dan dapat memainkan peranan penting apabila disokong dengan dasar dan garis panduan tertentu. Sehingga kini, pujukan moral terus digunakan oleh bank dalam memastikan sistem kewangan berupaya menghasilkan pembangunan ekonomi ke arah mencapai objektif nasional.

#### 2.4.2 Pengurusan Dasar Kewangan di Malaysia

Pelaksanaan dasar kewangan di Malaysia merupakan satu tugas yang diamanahkan kepada BNM. Berikut adalah beberapa langkah pengurusan kewangan yang telah dijalankan untuk beberapa tahun yang lepas.

##### 2.4.2.1 Pengurusan Kewangan, 1959-88

Secara amnya, pelaksanaan dasar kewangan mencerminkan reaksi Bank Negara kepada keadaan ekonomi pada masa tersebut. Sebagai contoh, dalam tahun 1975 dan 1985-86, dasar kewangan bercorak mengembang. Ini bertujuan untuk menggalakkan pemulihan ekonomi dan mengelak bahaya kemerosotan ekonomi. Sebaliknya, dasar kewangan yang ketat dan bercorak menguncup (melalui peningkatan kadar faedah, keperluan rizab berkanun atau mudah tunai) adalah berkesan untuk mengurangkan tekanan inflasi dan menggalakkan tabungan, seperti yang berlaku pada tahun 1981 dan 1989-93 (BNM(1994)).

Pengurusan kewangan di Malaysia bermula pada bulan Januari 1959, iaitu sejak tertubuhnya Bank Negara (BNM(1994)). Pada tahun 1960-an, pelaksanaan dasar kewangan adalah untuk mengukuhkan dan memajukan sistem kewangan pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan ketidakstabilan keadaan kewangan di luar

egeri yang berlaku pada tahun 1970-an, pelaksanaan dasar kewangan pada masa tersebut adalah untuk mengekalkan kestabilan kewangan serta mata wang yang kukuh bagi menyokong proses pertumbuhan. Pada tahun 1980-an, berlaku kemelesetan ekonomi unia yang berpanjangan, yang seterusnya mempengaruhi ekonomi dalam negeri. Implikasinya, keseluruhan dasar kewangan adalah menguncup secara terpilih untuk mengimbangi pengembangan fiskal (BNM(1994)). Pada akhir tahun 1986, apabila ekonomi semakin pulih, dasar kewangan yang dilaksanakan turut berubah menjadi lebih neutral. Pemulihan ekonomi menyebabkan sistem perbankan mengalami lebihan dana dan bagi memastikan dana ini tidak menyebabkan inflasi dan mengelakkan penurunan adar faedah, Bank Negara menyerap dengan lebih aktif sebahagian besar daripada iudah tunai yang berlebihan ini (BNM(1994)).

#### 4.2.2 Pengurusan Kewangan, 1988-1998

Pada tempoh ini, pengurusan kewangan mengalami banyak cabaran kesan aripada pertumbuhan yang pesat iaitu pertumbuhan purata sebanyak 8.7% setahun dan kesan kemelesetan ekonomi pada tahun 1988 iaitu mencapai paras terendah -7.5% (BNM(1999)). Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan pada masa sedekad ini telah berdepan dengan beberapa isu utama seperti dua episod kenaikan harga; risiko ke atas inflasi harga aset; aliran modal yang volatil; dan krisis kewangan serantau pada tahun 1997-98.

Sepanjang tempoh ini, Malaysia mengalami dua episod inflasi yang tinggi iaitu pada tahun 1991-92 yang disebabkan oleh kenaikan dalam permintaan agregat; pertumbuhan kewangan yang tinggi; kekangan di bahagian penawaran dan

perkembangan luar negara serta pada tahun 1998 yang disebabkan oleh kejatuhan dalam nilai matawang. Memandangkan faktor yang menjadi punca kedua-dua peristiwa ini adalah berbeza, dengan itu tindak balas dasar yang berlainan diperlukan. Bagi episod pertama, oleh kerana sumber kenaikan harga berpunca daripada permintaan dan juga penawaran, satu pakej komprehensif dasar anti inflasi telah dilaksanakan termasuk pelaksanaan dasar kewangan yang ketat. Sepanjang tempoh 1989-91, keperluan rizab berkanun telah dinaikkan sebanyak empat kali dan langkah ini diperkuuhkan lagi dengan penyerapan mudah tunai melalui pinjaman terus daripada pasaran (BNM(1999)).

Episod kedua yang berlaku pada tahun 1998, kenaikan harga berlaku dalam keadaan ekonomi yang meleset di samping terdapat lebihan kapasiti. Tindakan dasar kewangan memerlukan langkah dasar yang berlainan kerana ia berkaitan dengan perkembangan dalam dan luar negeri (disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit). Dasar kewangan yang ketat telah dilaksanakan dan kadar faedah dibenarkan mengalami peningkatan. Peningkatan kadar faedah berterusan memandangkan nilai ringgit mengalami susut nilai pada paras terendah dalam sejarah iaitu AS\$1=RM4.88 pada 7 Januari 1998 (BNM(1999)). Pada ketika ini, pelaksanaan kadar faedah bertujuan untuk mengimbangi keperluan memastikan kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi. Apabila tekanan inflasi semakin menurun dan kadar pertukaran mulai stabil pada bulan Julai 1998, dasar kewangan telah dilonggarkan bagi menggalakkan pemulihan ekonomi. Pada 2 September 1998, kadar pertukaran ringgit ditetapkan pada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika Syarikat. Penetapan ini sekaligus memberikan fleksibiliti kepada dasar kewangan untuk bertindak dalam menangani masalah dalam negeri kerana kadar

pertukaran tetap dapat mewujudkan keadaan yang lebih stabil kepada ahli perniagaan dan menyumbang kepada penurunan jangkaan terhadap inflasi (BNM(1999)).

Risiko ke atas inflasi harga aset kepada sistem perbankan di Malaysia adalah besar memandangkan sektor perbankan merupakan sumber utama pembiayaan dalam ekonomi (BNM(1999)). Pada tahun 1980-an, pasaran aset di Malaysia mengalami keadaan yang turun naik. Sepanjang tempoh 1988-98, terdapat beberapa kejadian inflasi di pasaran aset seperti yang berlaku pada tempoh 1994-96, harga harta benda kediaman di kawasan bandar meningkat sebanyak 20-25% berbanding dengan hanya 4.5 % - 6.4% pada tempoh 1992-93 (BNM(1999)). Bagi mengatasi masalah ini, jumlah kredit bagi tujuan pembiayaan spekulasi telah dihadkan. Langkah ini kemudiannya dikukuhkan lagi dengan pengurangan pinjaman bank kepada pasaran aset, yang diurnumkan oleh Bank Negara pada bulan April 1997. Langkah-langkah yang diambil ini nyata berkesan dalam menyederhanakan inflasi harga aset di mana kenaikan harga rumah mula menyederhana sebanyak 1.9% pada akhir 1997 berbanding dengan 12.9% pada tahun 1996.

Dalam menangani aliran modal yang volatil, pelaksanaan dasar yang bersesuaian perlu mengambil kira tentang perbezaan struktur dan sejauh mana sesebuah ekonomi melaksanakan dasar ekonomi terbuka (BNM(1999)). Pada tahun 1990-an, pengurusan dasar kewangan menjadi semakin rumit kerana pengaliran modal asing yang besar dalam tempoh yang pendek. Sebagai sebuah negara terbuka, Malaysia berhubung dengan aliran dagangan dan aliran modal yang sensitif dengan kejutan dari luar negeri. Justeru, langkah yang diambil adalah dengan pelaksanaan kawalan pertukaran terpilih ke atas aliran modal. Kawalan modal terpilih yang diperkenalkan pada 1 September 1998 adalah bertujuan untuk menyekat ekonomi Malaysia daripada potensi risiko perkembangan di

luar negeri, untuk menghalang spekulasi terhadap ringgit dan untuk menstabilkan aliran modal jangka pendek (BNM(1999)).

Krisis kewangan serantau yang berlaku pada pertengahan tahun 1997 telah memberi kesan yang buruk terhadap aktiviti ekonomi dan kewangan. Tindakan dasar kewangan terhadap krisis berubah mengikut keadaan. Pada masa berlakunya kekecohan dalam pasaran kewangan, tujuan dasar adalah untuk memastikan kestabilan makroekonomi dan kewangan. Langkah-langkah yang diambil bertujuan untuk mengurangkan defisit akaun semasa dan membendung tekanan inflasi yang disebabkan oleh susut nilai ringgit. Antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan menaikkan kadar faedah bagi mengimbangi jangkaan kadar inflasi yang meningkat dan memastikan kadar pulangan positif ke atas simpanan. Selain daripada itu, keperluan rizab berkanun diturunkan dengan tujuan untuk mengurangkan kos dana institusi perbankan dan memudahkan pengagihan mudah tunai di kalangan institusi perbankan. Sehingga bulan Julai 1998, memandangkan keadaan ekonomi bertambah teruk dasar kewangan yang lega perlu dilaksanakan. Kadar faedah telah diturunkan daripada 11% kepada 9.5% setahun (BNM(1999)). Dasar kewangan yang lega berjaya menyokong pemulihian ekonomi di mana terdapat kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang banyak. Sehingga bulan September 1999, inflasi telah menurun daripada 6.2% pada bulan Jun 1998 kepada 2.1%, pertumbuhan keluaran benar telah pulih daripada -10.9% pada suku tahun ketiga tahun 1998 kepada 4.1% pada suku kedua tahun 1999 (BNM(1999)).

## .5 Kesimpulan

Pasaran wang, sistem kewangan dan dasar kewangan mempunyai peranan yang penting dalam mempengaruhi ekonomi dan seterusnya kebijakan serta kesejahteraan enduduk di sesebuah negara. Pembangunan sistem kewangan yang maju dan kukuh merupakan satu keperluan asas bagi perkembangan ekonomi yang stabil dan seimbang di Malaysia.

Sistem kewangan dan dasar kewangan merupakan dua aspek utama di dalam ekonomi kewangan. Kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain. Hubungan ini digambarkan daripada perbincangan tentang peranan masing-masing melalui pasaran wang untuk mencapai objektif ekonomi sesebuah negara.